

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT. SEPANG:
NURUL FIRDAUS KHAIRI - 019-6680920/ 019-3371068

Buka semula pembahagi jalan

Pembinaannya hanya beri masalah kepada pihak klinik, pengguna ketika kecemasan

JENJARUM - Pembahagi jalan di hadapan Klinik Kesihatan Jenjarum, di sini, memberi masalah kepada pihak klinik ketika kecemasan.

Malah pelbagai pihak menyuarakan rasa tidak puas hati berkenaan perkara itu pada Mesyuarat Panel Kesihatan Klinik Kesihatan Jenjarum, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Jenjarum, Maimin Radiman berkata, pembahagi jalan dianggarkan sepanjang 10 hingga 15 meter itu dikatakan tidak praktikal kerana menyurarkan pengguna keluar dari klinik ke jalan besar.

Menurutnya, dia menerima aduan berkenaan perkara itu sejak petang kelmarin dan ramai menyurarkan rasa tidak puas hati dalam

mesyuarat semalam setelah dimaklumkan kerja-kerja pembinaan telah siap.

"Saya akui pembahagi jalan ini menyusahkan pelbagai pihak terutamanya ketika melibatkan urusan kecemasan atau kenderaan hospital hendak keluar masuk."

"Saya langsung tak dimaklumkan mengenai pembinaan pembahagi jalan ini dan bimbang ia beri masalah kepada pihak lain," katanya selepas mengadakan lawatan bersama sebahagian ahli jawatankuasa panel kesihatan klinik dan pihak klinik, semalam.

Beliau berkata, lebih meranjatkan apabila difahamkan pihak klinik juga tidak dimaklumkan mengenai perkara itu, namun bukannya percaya isu tersebut boleh diselesaikan.

"Bagi saya pembahagi jalan itu perlu dibuka semula untuk



Sebahagian Ahli Jawatankuasa Panel Kesihatan Klinik Kesihatan Jenjarum membuat tinjauan di lokasi pembinaan pembahagi jalan.

laluan kenderaan dan jika boleh, ia dibuka untuk laluan ambulans atau kecemasan sahaja. Saya tak fikir ia akan jadi satu isu kalau pihak berkenaan boleh bekerjasama dengan pihak klinik," katanya.

Pengerusi Panel Klinik

Kesihatan Daerah Kuala Langat, Abdul Razak Khasbullah memberitahu, dia turut dipanggil menyertai mesyuarat khas berkenaan dan menyokong cadangan membuka laluan tersebut bagi urusan kecemasan.

"Tapi saya harap pihak panel kesihatan dapat menggunakan surat berserta gambar bersesuaian untuk tindakan seterusnya. Saya amat berharap laluan itu hanya digunakan untuk laluan ambulans sahaja," katanya.

Mr Gagah Perkasa bawa pulang RM1,000

BANTING - Peserta dari Sabah membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 selepas menewaskan 20 peserta lain pada pertandingan Mr Gagah Perkasa 2016 yang diadakan sempena Hari Sukan Negara, kelmarin.

Mohd Fuazam Jaafar, 23, tidak menyangka dapat menambat hati juri pada pertandingan itu dan menganggap rezeki menyebelahnya kerana semua peserta mempunyai kelebihan masing-masing.

Sementara itu, Naib Ketua Pemuda Umno Bahagian Kuala Langat, Ryzal Hatta Mohd Sidek berkata, pihaknya akan bekerjasama dengan Kelab Gym Rakyat 1Malaysia bagi menganjurkan acara Mr Morib, tahun depan.

Menurutnya, acara itu pernah diadakan suatu masa dahulu dan beliau difahamkan, lebih ramai akan menyertai jika dianjurkan lagi.

Capai sasaran kempen derma organ



Antara individu yang terlibat dalam aktiviti Kempen Ikrar Derma Organ Peringkat Daerah Kuala Langat.

BANTING - Usaha Hospital Banting mengajak orang awam mendaftar dalam kempen Ikrar Menderma Organ mencapai sasaran apabila seramai 1,352 individu di Kuala Langat mendekati sehingga kelmarin.

Pengarah Hospital Banting, Dr Sabrina Che Rahman berkata, pihaknya menyasarkan seramai 1,000 individu mendaftar menjelang 2017, namun kempen itu mendapat sambutan membangkitkan sehingga kelmarin.

"Saya berterima kasih kepada semua pihak termasuk kakitangan hospital yang bertungku-lumus memberi penerangan kepada masyarakat mengenai kempen ini. Kita harap usaha ini dapat membantu pesakit memerlukan pada masa akan datang," katanya pada Pelancaran Kempen Ikrar Derma Organ di Pasaraya Econsave, kelmarin.

Sementara itu, Pengurus Ahli Lembaga Pelawat Hospital Banting, Abdul Razak

Khasbullah berkata, program itu diwujudkan sejak 2011 dan penyertaan masyarakat dilihat meningkat dari setahun ke setahun.

Menurutnya, pada tahun lalu seramai 536 individu terlibat dalam kempen itu dan jangkaan awal untuk mencapai sekurang-kurangnya 1,000 penyertaan pada tahun depan sudah tercapai dengan penyertaan 303 individu di empat lokasi berlainan sekitar Banting tahun ini.

"Saya harap aktiviti ini memberi impak kepada masyarakat dalam usaha mengaktifkan pasukan berpotensi menderma organ. Walaupun pendedahan awal dilihat masih baru, ia tetap dapat sambutan daripada pelbagai bangsa."

"Saya yakin pada masa akan datang, aktiviti ikrar derma organ akan menjadi satu tanggung-jawab sosial dan kesedaran masyarakat dapat dipupuk serta dipelihara setiap masa," katanya.